

Headline	Dua saintis FRIM diiktiraf dunia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	19	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI	AdValue	RM 3,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,963



# Dua saintis FRIM diiktiraf dunia

## Terima anugerah IUFRO di Amerika Syarikat baru-baru ini

AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KUALA LUMPUR** – Dua orang saintis Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melakar sejarah tersendiri apabila menerima anugerah pada Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO) ke-24 yang berlangsung di Salt Lake City, Amerika Syarikat pada 10 Oktober lalu.

Dr. Sik Huei Shing, 37, memenangi Anugerah Penyelidikan Kedoktoran Cemerlang IUFRO apabila beliau berjaya membangunkan sistem pengeringan suhu tinggi (*High Temperature Drying*) bagi merawat kayu getah secara mesra alam.

“Beliau mula berkhidmat di FRIM sebagai pegawai penyelidik kontrak pada tahun 2001 selepas menamatkan pengajian Ijazah Sains Perhutanan dalam bidang

Teknologi Kayu di Universiti Putra Malaysia.

“Sumbangan beliau bermula dengan pembangunan prototaip mesin berkenaan di kampus FRIM di sini sehingga sebelum ia dikomersialkan dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan yang diiktiraf IUFRO,” kata FRIM dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Dr. Lee Chai Ting, 44, pula menerima Anugerah Poster Terbaik IUFRO melalui karyanya yang bertajuk “*Discovery of Genic Microsatellite*

*Markers From Transcriptome Sequences of Eurycoma Longifolia Root*” berkenaan khasiat tongkat ali.

Sebelum ini, beberapa orang saintis FRIM telah diiktiraf IUFRO termasuk Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod yang menerima Anugerah Pencapaian Saintifik IUFRO pada tahun 1995 dan pegawai penyelidik, Dr. Lee Su See (Anugerah Pencapaian Saintifik) pada tahun 2000.

FRIM menjadi ahli IUFRO yang aktif sejak tahun 1978 malahan Ketua Pengarahnya yang pertama, Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Nor pernah menyandang

jawatan Timbalan Presiden IUFRO sejak tahun 1987 hingga 1990 dan Presiden (1990–1995).

“Pertubuhan ini memberi pelbagai pengiktirafan kepada mereka yang telah menyumbang kepada kemajuan sains serta

mempromosi kerjasama antarabangsa dalam semua bidang

yang berkaitan dengan perhutanan,” kata kenyataan itu.



HUEI SHING



CHAI TING



MESIN sistem pengeringan suhu tinggi yang dibangunkan Huei Shing kini telah dikomersialkan. – Gambar hiasan